

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 15/01/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional /8

Tajuk : ANGKASA sedia keluar laporan had bulanan hutang isi rumah

8

Nasional

Isnin, 15 Januari 2024 BH

ANGKASA sedia keluar laporan had bulanan hutang isi rumah

Langkah elak penjawat awam terjerat masalah setelah banyak gaji kena potong

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA) bersedia mengeluarkan laporan bulanan had keberhutangan isi rumah untuk diserahkan kepada semua agensi pernguatan kuasa termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Akauntan Negara.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah, berkata langkah itu untuk mengawal had keberhutangan isi rumah, termasuk penjawat awam bagi mengelakkannya terjerat dalam



Keratan akhbar
BH 4 Januari
lalu.

masalah berkenaan.

Beliau berkata, ANGKASA berperanan menguruskan potongan gaji mewakili pelanggan untuk mengutip pembayaran balik pembiayaan yang dikeluar memabitkan 1.24 juta pelanggan dengan jumlah tuntutan potongan gaji ialah RM1.22 bilion sebulan, termasuk RM1.14 bilion untuk potongan pinjaman.

Katanya, ANGKASA juga membangunkan Sistem Potongan Gaji Angkasa untuk mengawal had keberhutangan isi rumah, terutama dalam kalanjan penjawat awam.

"Melalui sistem ini, elemen memabitkan jumlah potongan

lama dan potongan baharu diambil kira dalam pengiraan had keberhutangan.

"Pada 2017, ANGKASA menghantar cadangan kepada kerajaan supaya semua agensi yang mendapat kod potongan gaji hendaklah diletakkan di bawah sistem potongan gaji ANGKASA (BPA) supaya had keberhutangan isi rumah dapat dikawal secara sistematik dan berpusat," katanya kepada BH, di sini.

Beliau berkata demikian mengulas laporan BH bahawa ketua jabatan diarah memantau jumlah gaji penjawat awam bagi

tujuan membayar hutang, selain tidak menyokong atau meluluskan permohonan pinjaman baharu jika boleh menyebabkan pegawai awam berkenaan menerima pendapatan bersih kurang daripada 40 peratus.

Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed, dilaporkan berkata, semua ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang didapati melakukan penipuan, termasuk ada yang memalsukan pernyataan gaji bagi tujuan mendapatkan pinjaman.

Abdul Fattah berkata, ANGKASA juga menyediakan platform iaitu Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) yang boleh diakses dengan pengenalan diri (ID) yang dibekalkan kepada lebih 1,200 organisasi pelanggan.

Syarat potong gaji

Beliau berkata, SPGA akan memastikan setiap potongan yang diuruskan ANGKASA mesti tidak melebihi 60 peratus berdasarkan maklumat pada salinan gaji yang dihantar dengan Peraturan Mengenai Larangan Me-

minjam Wang Dan Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius Ke Atas Pegawai Awam pada 28 Disember 2005 oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ketika itu, Datuk Seri Ismail Adam.

"Jika potongan lebih daripada 60 peratus, SPGA tidak boleh mengemas kini permohonan. Proses checker maker juga digunakan oleh pelanggan dan ANGKASA sebelum dokumen dikemas kini.

"Ini bermaksud pembayaran tidak boleh dikeluarkan dan potongan gaji tidak boleh berlaku.

"ANGKASA juga menguruskan potongan gaji untuk premium insurans, yuran koperasi, saham, khairat dan sumbangan kebajikan," katanya.

Beliau berkata, ANGKASA turut menyediakan Borang Kebenaran Potongan Gaji (BPA 1/79) dengan peminjam baharu wajib melengkapkan borang berkenaan dengan maklumat data peribadi dan perakuan membenarkan potongan gaji diuruskan ANGKASA.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA